

**BUAT
SAMPAI
JADI!**



UNLOCK **RAHSIA** **FIBONACCI**

UKUR MARKET DENGAN TEPAT!

MRFLAHAA

DISCLAIMER:

Trading dalam pasaran kewangan (contoh: Forex, Gold, Crypto) melibatkan risiko yang tinggi.

Segala contoh, strategi, atau teknik yang dikongsikan dalam ebook ini adalah untuk tujuan pendidikan sahaja.

Tiada jaminan bahawa teknik atau contoh yang diberikan akan menghasilkan keuntungan yang sama untuk semua orang. Keuntungan dan kerugian adalah tanggungjawab anda sendiri.

Sebelum mula trade, pastikan anda faham sepenuhnya risiko yang terlibat dan gunakan modal yang sanggup untuk anda rugi. Jika perlu, dapatkan nasihat daripada penasihat kewangan bertauliah.

DISCLAIMER:

Terima kasih kerana mendapatkan ebook ini. Untuk makluman anda, segala kandungan di dalam ebook ini adalah hak cipta terpelihara dan hanya untuk kegunaan peribadi anda sahaja.

Tolong jangan lakukan perkara berikut:

- Jangan kongsikan ebook ini kepada orang lain, sama ada secara terus atau melalui mana-mana platform (WhatsApp, Telegram, email, dll).
- Jangan cetak atau terbitkan semula kandungan ebook ini tanpa izin.
- Jangan jual semula ebook ini dalam apa-apa bentuk, sama ada digital atau fizikal.

Ebook ini adalah untuk anda baca dan manfaatkan secara peribadi sahaja. Jika anda rasa kandungannya bermanfaat, sila galakkan orang lain untuk mendapatkannya dari sumber rasmi.

Kita sama-sama jaga adab dan etika dalam menghargai hasil usaha dan ilmu yang dikongsi. Terima kasih atas kerjasama anda!

PENGENALAN

Ramai trader yang baru nak belajar Fibonacci selalu pening kepala. Ada yang tarik ikut suka hati, ada yang sampai chart jadi penuh garis. Kadang-kadang tengok macam sarang labah-labah pun ada.

MF faham perasaan tu, sebab dulu masa mula-mula belajar pun MF pun blur benda yang sama.

Jadi MF tulis ebook ni dengan gaya santai, bahasa mudah, supaya trader tak rasa macam tengah baca buku sejarah waktu tingkatan 2 dulu.

Kita akan belajar asas paling penting je iaitu macam mana nak tarik Fibo dengan betul, dan macam mana nak memanfaatkan level-level yang biasanya market akan respect.

Tak payah pening nak hafal semua teori pelik. Cukup trader tahu benda simple, dah boleh mula nampak beza dalam trading masing-masing.

Harapan MF, lepas baca ebook ni, trader boleh tarik Fibo dengan yakin, tanpa stress, dan terus boleh apply dalam trading harian sendiri.

**BUAT
SAMPAI
JADI!**

PENGHARGAAN



MF ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan buat Cikgu Zul dan Cikgu Baha (FMCBR) atas setiap ilmu yang telah dicurahkan kepada MF dan MrTam.

Fibo ini secara aslinya diambil daripada ilmu Cikgu Zul. Kami tidak mengubah apa-apa setting yang telah ditetapkan.

Yang kami ubah sedikit adalah cara penarikannya dan juga cara menggunakan Fibo ini mengikut mazhab Price Action yang kami olah sendiri sejak dari tahun 2017.

Kami percaya ilmu Fibo ini telah membantu ribuan trader membuat keputusan. Oleh itu, kami terus menggunakannya dan kini membantu trader-trader lain pula untuk mendapatkan rentak dalam trading.


**BUAT
SAMPAI
JADI!**

BAB KENALI 1.0 KUNCI

**BAB 1.1 KENALI KUNCI
ENGULFING**

**BAB 1.2 KENALI KUNCI
BLENDING**

**BAB 1.3 KENALI KUNCI
DOMINANT**



BAB 1.0 - KENALI KUNCI

Sebelum kita nak belajar tarik Fibo ni, kita kena belajar dulu satu senjata yang kita nak gunakan untuk tarik Fibo. Senjata ni adalah senjata yang kita akan gunakan selalu terutamanya dalam membuat analisa untuk mengkaji pergerakan Gold.

Senjata ini selalu MF sebut dalam mana-mana video yang MF sediakan. Ia dikenali sebagai KUNCI.

Kunci ni adalah asas kepada memahami pergerakan market. Dari Kunci, kita akan dapat banyak maklumat penting sehingga menjurus kepada satu keputusan samada kita nak mencari buy / sell.

Kunci ni ada 3 iaitu **Engulfing, Blending, dan Dominant**. **Ianya boleh jadi samada Kunci Buy atau Kunci Sell**. Dalam konteks trading MF, Kunci Buy dipanggil sebagai Solid Buy dan Kunci Sell dipanggil sebagai Solid Sell.

Engulfing pula bukan sebarang engulfing. Bukan hanya sekadar nampak engulfing di mana-mana timeframe, terus tarik Fibo. Salah tu.

Engulfing atau Blending yang MF guna ada ciri-ciri yang tertentu. Kita akan belajar dalam bab ini.

Jadi kita wajib kena dulu konsep Kunci ni sebelum kita nak belajar tarik Fibo dengan lebih dalam.

BAB 1.1 - KENALI KUNCI | ENGULFING

Pertama: Kita nak kenal dulu mana satu Engulfing. Engulfing adalah keadaan dimana 1 candle makan 1 candle yang disebelahnya. Dalam situasi dibawah, candle putih memakan candle kuning yang ada disebelah kirinya (bagi contoh buy).



Engulfing Buy



Engulfing Sell


Kedua: Kita nak kenal mana satu halangan terdekatnya. Halangan ini kita boleh nampak dalam bentuk SNR / Base. Halangan ni wajib duduk di belah kiri Engulfing. Kalau kita marking halangan yang ada di belah kanan, maka itu salah. Halangan tidak semestinya dekat. Ia boleh jadi dekat atau jauh.

Ketiga: Lepas dah tanda halangan, kita perlu pastikan halangan itu dipecahkan bodynya. Bukan shadow. Hanya perlu make sure body pecah. Selagi tak pecah, selagi itu kita tak dibenarkan untuk tarik Fibo.


Jadi apabila tiga kriteria ini dah terbentuk, maka inilah yang dipanggil sebagai Kunci dan kita boleh mula menarik Fibonacci.

BAB 1.1 - KENALI KUNCI | ENGULFING

So macam mana yang dikatakan pembentukan sesebuah Kunci Engulfing? Kita boleh tengok daripada image di bawah. Ini adalah contoh untuk Kunci Engulfing yang lengkap. Perhatikan ciri-ciri yang dinyatakan mengikut turutan.




BAB 1.1 - KENALI KUNCI | ENGULFING




Contoh 2

BAB 1.1 - KENALI KUNCI | ENGULFING



Contoh 3

BAB 1.1 - KENALI KUNCI | ENGULFING



Contoh 4

BAB1.2 - KENALI KUNCI | BLENDING

Kita akan masuk ke bahagian seterusnya iaitu mengenali Kunci untuk Blending.

So apa itu Blending?

Blending adalah keadaan dimana 2 cs memakan 1 cs. Basically, Blending ni macam Engulfing juga. Cuma kita nak 2 cs yang makan 1 cs. Ada juga orang yang panggil Blending ni sebagai Engulfing Type 2. Boleh je apa-apa nama asalkan kita kenal bentuk dia. So dibawah ni adalah bentuk Blending.




Blending Buy



Blending Sell

Kriteria yang sama juga diperlukan untuk menjadikan Blending ni sebuah Kunci. Sama seperti Engulfing dimana Blending pun perlukan halangan untuk dipecahkan. Baru dia layak dipanggil sebagai Kunci.

BAB 1.2 - KENALI KUNCI | BLENDING




Contoh 5

BAB 1.2 - KENALI KUNCI | BLENDING



Contoh 6

BAB 1.2 - KENALI KUNCI | BLENDING




Contoh 7

BAB 1.3 - KENALI KUNCI | DOMINANT

Seterusnya kita akan belajar tentang Kunci yang terakhir iaitu Dominant. Dominant ni adalah Kunci yang paling senang sekali untuk tarik Fibo. Sifatnya adalah 3cs atau lebih memakan 1 cs. Syarat pembentukan Dominant wajib minimum 3 cs memakan 1 cs.

Dominant tak perlukan halangan seperti Engulfing dan Blending. Halangan Dominant terletak pada candle besar itu sahaja. Rujuk gambar di bawah untuk ciri-ciri Dominant.



Dominant Buy




Dominant Sell

Pembentukan Dominant tak semestinya candle yang sama warna. Ada juga Dominant yang terdiri daripada candle berlainan warna sepanjang pembentukannya. Ia tetap dianggap sebagai Dominant, selagi menepati ciri-cirinya. Rujuk contoh dibawah.




BAB 1.3 - KENALI KUNCI | DOMINANT



Contoh 8

BAB 1.3 - KENALI KUNCI | DOMINANT




Contoh 8

BAB 1.3 - KENALI KUNCI | DOMINANT



Contoh 9

BAB 1.3 - KENALI KUNCI | DOMINANT



Contoh 10

Jadi sekarang trader dah mula kenal tiga jenis Kunci yang lengkap dengan kriterianya. Sebelum kita nak mula belajar tarik Fibo, trader perlu mahir untuk kenal Kunci. Kalau boleh, sekali imbas je buka chart dah boleh nampak mana Kunci.

Kunci ni pula ada di setiap timeframe. Jadi setiap timeframe akan memberikan maklumat yang berbeza.

Contohnya, kalau kita nampak Daily membentuk Kunci buy, kita boleh bayangkan kekuatan harga untuk naik mengikut range Daily. Begitu juga kalau kita nampak Kunci Sell. Jadi kita boleh tarik Fibonacci untuk ukur sejauh mana Daily nak buat kenaikan.

Dalam Ebook ini, kita tak kupas terlalu banyak tentang cara gunakan Kunci ni memandangkan fokus kita lebih kepada berkongsi cara-cara untuk gunakan Fibonacci.

Jadi trader, semua dah sedia untuk mula belajar tentang cara tarik Fibonacci menggunakan Kunci?

Ayuh kita!

**BUAT
SAMPAI
JADI!**

BAB CARA TARIK 2.0 FIBO

**BAB 2.1 SETTING
FIBO**

**BAB 2.2 KAEDAH
ENGULFING**

**BAB 2.3 KAEDAH
BLENDING**

**BAB 2.4 KAEDAH
DOMINANT**

BAB 2.1 - SETTING FIBO

Sebelum kita belajar tarik Fibo, kita kena pastikan setting Fibo kita sama. Setting Fibo ini perlu disetkan samada di MT5 handphone, MT5 komputer atau di Trading View. Setting yang ditunjukkan di bawah adalah screenshot daripada setting di Trading View.



Antara tips yang MF cadangkan untuk setting Fibo adalah;

1. Jangan gunakan terlalu banyak warna. Sebaiknya gunakan 1 warna sahaja.
2. Jangan onkan background. Biarkan Fibo itu tanpa background.
3. Set Fibo siap-siap sebagai template di MT5 atau TradingView.
4. Rename apa-apa nama yang sesuai.
5. Biarkan Fibo itu sesimple mungkin. Ini bagi mengelakkan kesukaran membuat keputusan kesan daripada terlalu banyak warna yang digunakan.

BAB 2.2 - KAEDAH ENGULFING

Okay sekarang kita dah ready nak mula belajar tarik Fibo. Kalau kita reflect balik kepada bab 1 tadi, MF ada sebut tentang candle yang break halangan. Jadi candle itulah yang akan menjadi tumpuan kita untuk tarik Fibo.

Jadi sekarang, kita akan cari Kunci Engulfing di dalam chart. Rujuk gambar dibawah.



BAB 2.2 - KAEDAH ENGULFING

Selepas dah kenalpasti Kunci, kemudian kita fokus kepada candle yang memecahkan halangan. Jadi menggunakan candle yang memecahkan halangan, kita akan **letakkan point 1 di shadow candle yang pecahkan halangan**, dan **point 0 di shadow yang tertinggi sekali di kawasan Kunci itu**. **Untuk situasi sell, tarik Fibo dari BAWAH KE ATAS.**




Perhatikan bagaimana price masuk ke zon 1.618 dan ada cubaan untuk break tapi patah balik dan tinggalkan shadow.

Selagi zon itu tak break, selagi itu price mampu patah balik naik ke atas.

BAB 2.2 - KAEDAH ENGULFING

Kita boleh nampak reaksi price melonjak balik naik ke atas sebaik sahaja masuk ke zon 1.618 dan 1.88. Kemudian kenaikan bermula daripada zon tersebut.



Konsep yang MF pegang adalah, jika price gagal membuat solid breakout pada zon 1.618 dan 1.88, maka price akan mengubah arah samada secara sementara waktu atau secara total.

Jika price berjaya membuat solid break pada 1.88 dengan body, maka itu adalah tanda bahawa price berpeluang tinggi menuju ke zon seterusnya, iaitu 2.618.

Jom kita tengok contoh lain.

BAB 2.2 - KAEDAH ENGULFING

Ini pula contoh Kunci sell di timeframe yang berlainan. Sekarang kenalpasti dulu mana candle yang telah memecahkan halangan.




Sekali lagi kita ulang proses yang sama. Menggunakan candle yang break halangan, kita akan letakkan Fibo kita. Seperti sebelum ini, letakkan point 1 di shadow candle yang pecahkan halangan, dan point 0 di shadow yang tertinggi sekali di kawasan Kunci itu. **Tarik Fibo dari BAWAH KE ATAS.**

Jom kita tengok contoh dibawah.

BAB 2.2 - KAEDAH ENGULFING


Letakkan point 1 di shadow candle yang memecahkan halangan dan point 0 di shadow paling atas sekali.



Perhatikan apabila price buat kejatuhan, price terhenti di zon 1.618/1.88. Dari zon tu, price mendaki semula ke atas. Apa yang cuba digambarkan adalah apabila seller masuk, zon-zon Fibo akan menjadi tempat seller Take Profit. Dan apabila seller Take Profit, maka buyer akan ambil alih market dan membuat kenaikan semula.

BAB 2.2 - KAEDAH ENGULFING


Sekarang jom kita tengok contoh untuk situasi buy pula. Kaedahnya sama, cuma cara penarikannya terbalik. Untuk menarik Fibo buy, point 1 tetap diletakkan pada candle yang memecahkan halangan dan point 0 diletakkan di hujung shadow yang terendah. **Kaedah penarikan bagi Fibo buy adalah dari ATAS KE BAWAH.**



Sekali lagi kita ulang proses yang sama. Menggunakan candle yang break halangan, kita akan letakkan Fibo. Seperti sebelum ini, letakkan point 1 di shadow candle yang pecahkan halangan, dan point 0 di shadow yang terendah sekali di kawasan Kunci itu. **Tarik Fibo dari ATAS KE BAWAH.**

Jom kita tengok contoh dibawah.

BAB 2.2 - KAEDAH ENGULFING



Perhatikan bagaimana reaksi price apabila tiba di setiap zon Fibo. Price membuat rejection yang kemas bila sentuh zon 1.618/1.88. Selepas terjadinya breakout, price mendaki lagi mencari zon 2.618/2.88 dan kemudian membuat kejatuhan semula.

BAB 2.3 - KAEDAH BLENDING

Sekarang kita pergi ke penarikan Fibo menggunakan kaedah Blending pula. Basically kaedahnya sama dengan Engulfing, dimana perlu ada Blending, dan halangan yang telah dipecahkan. Menggunakan candle yang memecahkan body halangan, kita boleh tarik Fibo untuk mengukur pergerakan price. Lihat contoh dibawah.



Sekali lagi kita ulang proses yang sama. Menggunakan candle yang break halangan, kita akan letakkan Fibo. Seperti sebelum ini, letakkan point 1 di shadow candle yang pecahkan halangan, dan point 0 di shadow yang tertinggi sekali di kawasan Kunci itu. **Tarik Fibo dari BAWAH KE ATAS.**

Jom kita tengok contoh dibawah.

BAB 2.3 - KAEDAH BLENDING



Selepas menarik Fibo, kita boleh nampak bagaimana price sampai ke zon 1.618/1.88 dan membuat sedikit sideways sebelum buat keputusan untuk breakout ke bawah. Apabila breakout terjadi, price turun lagi mencari zon 2.618/2.88 dan di zon itu, price membuat rejection naik ke atas.

Jom kita tengok contoh untuk Kunci Blending Buy pula.

BAB 2.3 - KAEDAH BLENDING


Untuk contoh buy, kaedahnya tetap sama cuma cara penarikan je terbalik. Seperti biasa, untuk menarik Fibo bagi situasi buy, kita akan tarik daripada **ATAS KE BAWAH**. Jadi point 1 diletakkan di shadow candle yang memecahkan halangan dan point 0 diletakkan di shadow terendah yang berdekatan dengan Kunci. Jom kita tengok contoh dibawah.



Sekali lagi kita ulang proses yang sama. Menggunakan candle yang break halangan, kita akan letakkan Fibo. Seperti sebelum ini, letakkan point 1 di shadow candle yang pecahkan halangan, dan point 0 di shadow yang terendah sekali di kawasan Kunci itu. **Tarik Fibo dari ATAS KE BAWAH** untuk situasi buy.

Jom kita tengok contoh dibawah.

BAB 2.3 - KAEDAH BLENDING



Perhatikan bagaimana reaction price setiap kali tiba di zon Fibo. Apabila price sampai ke 1.618/1.88, breakout terjadi sekaligus memberikan kita hint bahawa price akan mendaki mencari 2.618/2.88. Apabila 2.618/2.88 turut terjadinya breakout, price mendaki ke 4.23/4.88 dan dari situ, kejatuhan bermula. Ini menggambarkan bahawa pada ketika itu, price tidak mampu untuk mendaki lagi dan akan mula membuat pullback / reversal.


BAB 2.4 - KAEDAH DOMINANT

Kaedah penarikan Fibo bagi Dominant merupakan kaedah yang paling mudah. Dominant special sikit. Dominant tak perlukan halangan. Cukup bila ada 1 candle yang memecahkan body candle Marubozu, kita terus boleh tarik Fibo. Jom kita recap sekejap ciri-ciri Dominant.



Menggunakan candle yang pecahkan candle Marubozu, kita akan letakkan point-point Fibo seperti dibawah. Bagi contoh buy, tarik Fibo dari **ATAS KE BAWAH**.

BAB 2.4 - KAEDAH DOMINANT




Point 1 diletakkan di shadow candle yang pecahkan candle Marubozu dan Point 0 diletakkan di shadow terendah yang berdekatan dengan Kunci. Kita boleh nampak bagaimana price sampai ke 1.618/1.88 dan membuat breakout.

Apabila breakout terjadi, kita boleh jangkaan bahawa price akan mendaki lagi menuju ke 2.618/2.88. Dan di zon itu, price membuat rejection sebelum sambung membuat breakout kembali. Dan jangkaan seterusnya kita boleh bayangkan yang price bakal mencari zon 4.23/4.88.

Jom kita tengok contoh untuk sell pula.

BAB 2.4 - KAEDAH DOMINANT

Candle Marubozu / Solid Candle



Jadi ini contoh untuk sell pula. Kenalpasti candle yang memecahkan Marubozu dan letakkan point 1 di candle yang memecahkan Marubozu. Point 0 pula diletakkan di mana-mana shadow tertinggi yang ada di Kunci Dominant itu. Tarik Fibo dari **BAWAH KE ATAS** bagi contoh sell.

BAB 2.4 - KAEDAH DOMINANT



Perhatikan bagaimana reaction price apabila sampai ke zon 1.618/1.88. Price membuat rejection dan kembali turun untuk membuat breakout pada zon 1.618/1.88. Selepas breakout terjadi, price sambung turun mencari 2.618/2.88 dan di zon itu, price gagal membuat breakout sekaligus membentuk reversal untuk naik ke atas semula.

**BUAT
SAMPAI
JADI!**

BAB FUNGSI
3.0 FIBONACCI



BAB 3.0 - FUNGSI FIBONACCI

Fungsi #1 - Untuk measure arah sebenar

Inilah fungsi utama Fibonacci. Sebagai measurement arah. Persoalan yang kita sebagai trader selalu kena fikir,

"Dia naik ni, dia nak naik sampai mana?"

"Boleh tak aku nak buy lagi ni?"

Inilah tujuan utama kita belajar Fibonacci. Kenapa kita perlu tahu arah? Supaya kita dapat buat keputusan samada kita nak teruskan mencari buy atau kita nak tangkap reversal.

Fibo ni ibarat Waze untuk kita ukur sejauh mana lagi price nak naik atau turun. Kadang-kadang, kita sell awal sebab nampak ada zon SND/SNR. Tapi kita pelik, kenapa price boleh pecah dan sibuk mendaki lagi.

Rupanya, bila tarik Fibo baru kita nampak yang price ada kecenderungan mencari level-level Fibo.

Jadi penting untuk kita tahu measure price menggunakan Fibo supaya kita dapat kurangkan risiko buy/sell di tempat yang tak sepatutnya kita buat.

Lebih baik jika kita tarik Fibo, zon Fibo confluence dengan zon yang kita target nak buy/sell. Tak kisah apa jenis zon sekalipun, tapi kalau zon Fibo ada di kawasan zon yang kita target, maka kita ada keyakinan tambahan untuk execute entry di zon itu.

Apapun, yang penting adalah Current Market Price. Jika price betul berminat nak mendaki dari zon / zon Fibo kita, kita perlu pastikan CMP tunjukkan minat dia dulu. Jika di kawasan yang kita target nak buy itu tak wujudnya minat dari buyer untuk masuk, maka bersedia untuk tengok zon tu samada zon tu breakout / bakal terjadinya manipulation.

BAB 3.0 - FUNGSI FIBONACCI

Fungsi #2 - Untuk measure pullback

Ini antara common problem yang selalu terjadi pada trader. Bila mana price dah mendaki kuat, dan mula membuat pullback. Kita akan selalu terperangkap di mana jangkaan pullback ini akan berakhir. Kadang-kadang kita buy awal, dan price turun lagi. Sampai price bunuh akaun kita, barulah dia mula buat kenaikan.

Fibo boleh bantu kita dapatkan target sampai ke mana pullback ini nak selesai. Menggunakan kaedah penarikan Fibo yang sama, kita boleh kenalpasti Kunci yang ada untuk kita nak ukur pullback ni sampai mana berpandukan timeframe yang lebih kecil.

Contoh kita nampak H4 mendaki kuat. Dan sampai satu masa, pullback mula terjadi. Jadi apa yang perlu kita buat adalah pergi ke lower timeframe, contohnya M15. Kenalpasti apa Kunci Sell yang M15 buat. Kemudian tarik Fibo di Kunci Sell M15 itu untuk kita ukur sejauh mana kejatuhan tu berpotensi terjadi.

Ukuran yang dibuat di M15 itu adalah sebenarnya untuk kita mencari bestest point untuk buy based on H4. Tidak ada specific rules untuk permainan Multi-Timeframe ini.

Kita boleh check lower timeframe satu per satu untuk kita tengok apa Price Action yang ada dan kita boleh tarik Fibo mengikut kesesuaian.

Perlu diingatkan, latihan, pengalaman dan chart time sangat diperlukan untuk memahirkan kita menangkap pengakhiran pullback menggunakan Fibo ini.

BAB 3.0 - FUNGSI FIBONACCI

Fungsi #3 - Sebagai Decision Making

Katalah kita nampak satu situasi dimana Gold membuat kenaikan yang kuat. Dalam hati, nak buy dah gayat sebab dah naik tinggi. Tapi kalau nak sell, ibarat melawan trend yang tengah naik.

Jadi di sinilah Fibo membantu kita.

Pada waktu price secara agresif membuat kenaikan, kita boleh tarik Fibo menggunakan timeframe besar untuk tengok dimanakah price terkini. Adakah price telah membuat breakout pada mana-mana zon Fibo yang membolehkan kita untuk buy lagi (walaupun price dah tinggi)?


Ini semua decision making yang kami maksudkan. Sebab tu jangan pelik bila mana ada trader yang berani decide untuk buy high lagi walaupun price dah naik tinggi. Sebab utamanya adalah Price Action pada waktu itu semua menjurus kepada buy, jadi kita akan ikut apa current market price bagi.

Fibo hanya sekadar satu sokongan tambahan untuk kita yakin dengan keputusan kita untuk buy high mencari zon Fibo yang seterusnya. Apapun, pastikan dulu zon Fibo 1618/188 telah dibreakout sebelum kita nak participate dalam buy yang seterusnya menuju ke 2.618/2.88.

Contohnya boleh rujuk pada gambar di bawah.

BAB 3.0 - FUNGSI FIBONACCI

Fungsi #3 - Sebagai Decision Making



BAB 3.0 - FUNGSI FIBONACCI

Fungsi #4 - Untuk kita berlagak

Ini adalah fungsi yang paling penting buat trader, iaitu untuk kita berlagak.

Bayangkan situasi ATH terjadi. Kebanyakan trader akan termangu-mangu kemanakah price seterusnya yang Gold nak pergi. Tapi dengan adanya Fibo, kita boleh nampak jelas destinasiya. Kita boleh gunakan Kunci yang ada di bawah untuk kita nampak target seterusnya.

Biasanya bila ATH terjadi, kepala kita mesti set nak mencari sell kan? Pernah tak kita decide untuk terus buy walaupun price dah buat ATH? Lepas dah belajar Fibo ni, inshaAllah kita akan mula nampak perubahan dalam trading kita. Tidak ada rasa takut lagi nak buy high.

Selain itu, di saat ramai trader blur, malah Pn Jamilah taukey kedai emas di Tanjung Karang pun turut blur, tapi kita dengan bergayanya boleh jangka arah tuju price pada waktu ATH terjadi.

Kita seolah-olah ada mata ketiga yang nampak pergerakan harga. Dan yang lebih menarik, orang lain tak nampak apa yang kita nampak.

**BUAT
SAMPAI
JADI!**

BAB TIPS GUNAKAN 4.0 FIBONACCI



BAB 4.0 - TIPS GUNAKAN FIBONACCI

Tips #1

Jika kita seorang scalper atau intraday trader, kita boleh **gunakan Fibo bermula daripada timeframe yang kecil iaitu M5**. Ini sesuai untuk kita tengok pergerakan harga pada current market price.

Contoh kita ambil situasi M5 membuat Kunci kenaikan. Kita mula buy dan target sehingga ke 1.618. Apabila zon 1.618/188 pecah, maka kita akan nampak potensi harga naik ke zon seterusnya iaitu 2.618/2.88. Jadi kita boleh decide samada nak hold atau tambah entry buy lagi.

Jika kita nampak zon 1.618/188 tidak berjaya dipecahkan, maka jangkaan untuk price turun semula tinggi. Dan pada waktu itu, untuk kita teruskan buy, kita perlu bergantung kepada apa Price Action yang terjadi pada waktu itu.

Apabila Fibo M5 yang kita tarik tu dah pecah setiap zon sehingga ke 4.23/4.88, baru kita akan mula tarik berpandukan timeframe yang lebih besar iaitu M15. Buat step-by-step untuk kita kesan price nak naik sampai mana.

Tips #2

Untuk kita kesan samada Fibo yang kita tarik ni reliable atau tidak, pastikan apabila price sampai di setiap zon Fibo, price membuat reaction. Jika ada reaction yang baik di setiap zon Fibo, maka itu adalah Fibo yang reliable untuk kita guna. Jika price langgar sahaja setiap zone, maka kita perlu check penarikan Fibo based on timeframe-timeframe yang berlainan.

Rujuk contoh dibawah.

BAB 4.0 - TIPS GUNAKAN FIBONACCI



Kita boleh nampak apabila price tiba di satu zon, price membuat reaction sebentar sebelum sambung mendaki atau turun semula.

Dalam situasi ni, price sampai di 1.618/1.88, fullfil the zone dan turun kembali. Kemudian di 2.618/2.88 price sentuh dan turun dan tolak kembali naik ke atas. Bila situasi ini terjadi, maka kita jangkakan price pasti akan mencari 4.23/4.88. Inilah yang dikatakan Fibo yang reliable.

BAB 4.0 - TIPS GUNAKAN FIBONACCI



Ini pula contoh kedua. Fibo ditarik menggunakan Dominant Buy di bawah. Perhatikan bagaimana reaction price ketika price sampai di setiap zon Fibo. Semua ini maklumat berguna yang kita perlu tengok untuk kita bina plan samada Gold ni akan mendaki lagi atau tak.

BAB 4.0 - TIPS GUNAKAN FIBONACCI

Tips #3

Apabila price sentuh sahaja zon Fibo dengan “manja”, bayangan kita adalah price akan cuba untuk fullfil zon tu. Contohnya kita nampak Gold mendaki dan berjaya sentuh 1.618 kemudian membuat sedikit kejatuhan. Jadi jangan terlalu yakin untuk terus nak mencari sell. Sebab kebiasaannya, price akan ada cubaan untuk mendaki sekali lagi mencari 1.88 (fullfil the zone). Selepas bejaya menyentuh 1.88, ada dua kemungkinan yang akan terjadi. Samada price break 1.88 dan kembali mendaki, atau price fullfil sampai ke 1.88 dan membuat kejatuhan semula.

Rujuk contoh dibawah.



BAB 4.0 - TIPS GUNAKAN FIBONACCI

Tips #4

Apabila price break 2.618/2.88, disini adalah waktu yang sangat crucial. Ada keadaan dimana Gold akan terus kuat mendaki sehingga ke 4.23. Ada juga keadaan dimana selepas breakout 2.618/2.88, Gold membuat pullback yang besar seolah-olah macam nak junam, tapi last minute membuat reversal mencari zon 4.23. Jadi keadaan macam ni hanya boleh dibaca dengan memahami Price Action.


Jika breakout terjadi dan Price Action menunjukkan minat untuk nak buy, maka chances untuk terus naik ke 4.23 sangat tinggi. Jika breakout terjadi dan Price Action tidak menunjukkan minat untuk buy dan mula membentuk ciri-ciri kejatuhan, maka trader kena alert dan raikan apa yang current market price tunjuk pada waktu itu.

Rujuk contoh dibawah.



**BUAT
SAMPAI
JADI!**

**BAB KENYATAAN
5.0 PAHIT
TAPI
BENAR**



BAB 5.0 - KENYATAAN PAHIT TAPI BENAR

- Bila kita mula belajar Fibo, kita akan excited nak tarik sana, tarik sini. Kalau boleh, semua kunci kita nak tarik sampai ke M1 sekalipun. Advice MF, hadamkan dulu cara penarikan ni sebelum excited nak tarik.
- Fibo bukan ultimate. Ianya hanya tools yang ada untuk kita measure kemanakah price boleh sampai.
- Ada yang menganggap zon Fibo ini boleh jadi tempat-tempat nak entry. Ya MF tak nafikan. Cuma kalau kita terlalu bergantung kepada zon Fibo untuk entry, **tanpa mengambil kira apa kehendak current market price pada waktu itu, maka ianya sangat berisiko**. Zon Fibo berpotensi juga pecah.
- Ada situasi yang mana bila kita nampak sesebuah zon Fibo dah breakout, tapi price tak naik pergi ke zon seterusnya. Malahan membuat kejatuhan atau kenaikan tanpa pergi ke zon seterusnya itu.
- Ada masa kita akan keliru nak tarik Fibo gunakan point mana. Kadang-kadang, di sesebuah kawasan yang sama terdapat beberapa jenis Kunci. Jadi kita keliru nak tarik guna Kunci yang mana.
- Ada juga situasi yang mana kita keliru bila Engulfing terbentuk dan terus pecahkan 1 halangan. Bila kita tarik, hasilnya jadi salah.
- Ada juga situasi yang kita keliru bila nampak shadow mana satu yang kita nak gunakan untuk tarik Fibo.
- Latihan extra sangat diperlukan untuk kita berlatih menggunakan Fibo ini dan selesaikan satu per satu masalah yang kita akan jumpa dan hadap.

BAB 5.0 - KENYATAAN PAHIT TAPI BENAR

Semua masalah di atas pasti akan dihadapi oleh mereka yang baru belajar Fibo.

Nasihat MF, teruskan berlatih dan sebaiknya carilah mentor untuk membantu menjawab segala persoalan yang kita ada.

Jika anda rasa kaedah ini make sense dan membantu perbaiki trading anda, maka MF menjemput anda untuk teruskan belajar dengan bimbingan melalui program FIT yang dijalankan secara online di Telegram.

FIT akan membantu trader untuk menajamkan lagi kemahiran menggunakan Fibo dan ditambahbaik dengan mempelajari ilmu Price Action.

Terus terang MF katakan, Fibo semata tidak cukup untuk mendapatkan keputusan trading yang baik. Ia hanya ibarat mata ketiga untuk bantu kita nampak ke mana halatuju price selepas ini.

Oleh itu, seorang trader perlu lengkapkan diri dengan ilmu Price Action. Hanya Price Action yang boleh bantu kita dapatkan keputusan samada Gold ni berminat untuk nak mendaki lagi atau sudah bersedia untuk mengubah arah.

FIT sedia membantu untuk upgrade gaya trading anda!

APA ITU FIT?

FIT adalah singkatan kepada **Flahaa's Independent Trader**. FIT dijalankan sepenuhnya secara online melalui applikasi Telegram.

FIT telah mengalami evolusi daripada FIT1.0 dan sekarang kita berada dalam FIT4.0 (Metamorphosis). Setiap evolusi ini memberikan sistem yang lebih selesa buat trader untuk terus belajar. Silibus juga disusun dengan lebih kemas dan telah dimudahkan untuk memudahkan orang ramai faham dengan ilmu Fibonacci dan Price Action.



Apa yang disediakan dalam FIT adalah:

- Full Education Webinar - Ini adalah sesi yang diadakan 3-4x seminggu mengikut topik. Setiap sesi akan diadakan selama 2 jam untuk educate trader tentang ilmu-ilmu yang mereka perlu tahu untuk memahami pergerakan Gold selain daripada Fibonacci dan Price Action..
- Daily Assemble - Sesi ini dibuat setiap hari selama 30 minit - 1 jam. Tujuan sesi ini dibuat adalah bagi membentangkan plan untuk keadaan terkini Gold pada hari itu. Semua sesi ini akan dirakamkan untuk tujuan ulangkaji.
- Daily Trade Call - Sesi ini dibuat bagi membantu trader untuk nampak peluang entry pada chart based on apa yang telah dipelajari.
- Komuniti Sihat - Dalam komuniti FIT, sebarang bentuk flex (tunjuk profit) tidak dibenarkan. Yang dibenarkan hanya perbincangan tentang halatuju Gold megikut apa yang telah dipelajari.

APA KATA MEREKA TENTANG FIT?

FM1.0 -

Reply

Assalamualaikum saya dah tak ingat berape lama saya dalam FIT. Tapi saya ingat saya kenal MF dari class Fibo Marhain. Time tu belum masuk FIT lagi, setakat belajar fibo je. Sejak start class tu saya dah dapat sense MF ni a good educator, mentor to follow and learn. Memang tak semuanya indah, ada naik turun dari segi results. But apa saya dapat dari FIT ni, dari sudut education memang lengkap. MF sangat knowledgeable. Knowledge is priceless and botak ni bagi free je tu macam. Kadang duduk fikir balik, aku kalau tak jumpe MF ni memang teruk trading. Follow signal and TT live sane sini. But now dalam rumah biru ni ada BSJ and FIT je. Lain semua buang, tu semua noise yang akan kacau decision making.

Apart from trading ada jugak cerita cerita MF bagi kadang life lessons jugak. Mana nak dapat mentor gini.

Anyway thank you MF and squad for the time and effort. Semoga system ni sampai international level, InsyaAllah.



1:02 AM

APA KATA MEREKA TENTANG FIT?

Se [REDACTED]

Reply

Asaalamualaikum pahlawan2 palembang semua.
Maaf baru dapat nak bagi feedback baru balik
kerjaan.

Bermulanya saya dalam circle FIT sebab tertarik
dengan konsep kunci yang acap kali sy lihat di vtt MF
dan MT. Banyak juga saya join beberapa group tapi
tiada kualiti dalam mengajar. Tapi di FIT ada konsep
kunci yg baru pertama kali saya dengar.

Selepas saya join di FIT 4.0 ternyata membuka mata
fikiran saya dalam mengenal lebih detail cara
membaca pergerakan arah market dan banyak lagi.
Tak cukup dengan online saya join pula bootcamp di
kuantan. FIT sgt membantu dalam pengajaran
dengan support dari flahaasquad. Apa yang saya
boleh kata FIT mmg unik dan terbaik dan inilah saya
cari selama ini.

Saya percaya dengan ilmu boleh mengubah haluan
hidup seseorang. Banyak ilmu trading saya dapat dari
circle ini. Dari seorang kaki depo sebelum ni
alhamdulillah saya dah pun merasa withdraw
walaupun tak banyak manisnya tetap ada.

Terima kasih tak terhingga kepada pengetua kita Mr
Flahaa dan semua cikgu2 yang tak lokek dalam
berkongsi ilmu pada kami semua.
Sangat berharap agar circle ini akan terus menerus
dalam menyebarkan ilmu kepada semua yang selama ni
tergelam timbul dalam dunia trading.


Semoga kita semua berjaya di masa akan datang dan
dapat berkongsi ilmu ini kepada orang lain pula.



10:25 PM

APA KATA MEREKA TENTANG FIT?

AM 28179



Reply

Assalammu'alaikum dan Selamat Sejahtera,

Menerusi content MF yg lalu beberapa kali dlm TT saya perasan Dia ni "Lain Dari Yang Lain"!!!!. Cara ilmu yang dikongsikan berbeza, straightforward tetapi penuh keikhlasan dan kejujuran.

Terkesan dengan selitan kata² motivasi diberikan, 7Aug'25 saya ambil keputusan utk join FIT dan Bootcamp di Kuantan pd akhir Aug'25 lalu utk mendalami ilmu KUNCI dan FIBO...sekali lagi..Lain Dari Yang Lain drpd ilmu TA yg dipelajari sebelum ini.

Syukur Alhamdulillah, berkat kesungguhan dan kesabaran MF dan Flahaa squad mengajar tanpa jemu²..saya semakin nampak JALAN menuju kejayaan...in shaa Allah.
Sistem trading yg diajarkan semakin MELEKAT dlm kepala otak saya. Profit semakin membiru dan akan konsisten secepat mungkin.

Saya bangga berada dlm FIT sebab dgn adanya VIBES dan positif environment...yakinih kita akan berjaya!!! Amat beruntung dpt HambaAllah² yg betul² serious dan ikhlas utk mengajar dan kongsi ilmu...hanya Allah yg dpt membalas segala usaha kalian semua.

Semuga hasrat MF utk membawa sistem trading yg LEGIT ini (sekali lagi...lain dari yg lain) ke luar negara tercapai... Aamiin!!!

Guys...Don giba n kipidap!!! 😊

Yang penting, kita buat sampai JADI...ha ha ha ha 😂



3



1

9:58 PM



APA KATA MEREKA TENTANG FIT?

296

Reply

Saya nak ucapkan jutaan terima kasih buat Mr. Flahaa – guru, dan mentor yang sangat-sangat santai dan hensem dalam dunia trading. Dari zero sampai saya boleh faham market, semua tu dengan izin Allah dan bimbingan ikhlas dari cikgu. Teknik DBO, Kunci, Fibo, Timing, dan Raid — mula-mula dengar memang pening juga, tapi bila diajar satu-satu, disusun dengan sabar, barulah saya nampak ‘jalan’ dalam market. Yang paling saya tak akan lupa — masa saya tengah hadap floating besar. Perasaan masa tu? Jujur cakap, memang panik, risau, macam-macam fikir. Nak cut loss pun tak berani, nak hold pun takut makin dalam. Tapi waktu tu, walaupun saya tahu cikgu tengah sibuk dan masa tu pun ada tetamu datang rumah dia, cikgu tetap luangkan masa untuk bantu. Tak jawab sekadar “sabar” atau “ikut plan”, tapi dia betul-betul duduk dan guide saya — tunjuk kat mana silap, ajar macam mana nak handle situasi tu, siap tenangkan saya lagi. Kat situ saya betul-betul rasa, cikgu bukan sekadar mengajar teknik, tapi betul-betul ambil berat pasal student. Rasa dihargai sebagai seorang student FIT. Bukan setakat teknik, tapi cara Mr. Flahaa terangkan mindset, psikologi, dan disiplin tu yang buat saya lebih yakin. Dia ajar untuk jangan kejar market membuta tuli, tapi kena faham kenapa market gerak macam tu. Setiap entry ada sebab, setiap setup ada cerita. Ilmu yang sangat mahal sebenarnya, tapi disampaikan dengan cara yang paling senang difahami.

Paling saya hargai, beliau tak pernah kedekut ilmu, sentiasa jawab soalan walaupun kadang-kadang soalan tu basic sangat. Sentiasa support, bagi semangat, dan betulkan mana yang silap tanpa merendah-rendahkan. Dalam dunia trading yang penuh dengan hype dengan perempuan cantik dan ‘cepat kaya esk nak beli lambo’, saya bersyukur sangat jumpa seorang cikgu yang real dan fokus pada ilmu sebenar.

Terima kasih banyak-banyak, Mr. Flahaa. Semoga Allah balas segala kebaikan dan ilmu yang dicurahkan. Semoga terus maju jaya, terus jadi inspirasi, dan terus bantu lebih ramai trader di luar sana. Moga rezeki cikgu sentiasa luas dan diberkati, dunia akhirat. Saya doakan semoga impian cikgu tercapai..Aminn ❤️

❤️ 16

5:16 ...

APA KATA MEREKA TENTANG FIT?

AM 3248

Reply

Saya amat terhutang budi dengan MF dan MT atas bimbingan yang tak terhingga semenjak January 2025 sampai lah sekarang.

Saya juga seperti trader2 yg lain, mengalami losses yang agak besar sepanjang menceburi bidang trading semenjak PKP.

Saya banyak mengikuti tiktok MrFlaaha(MF) dimana kebolehan membaca hala tuju market sebelum terjadi dan kebolehan menjawab sebarang soalan secara logik. MF ini sentiasa memastikan semua faham dan tidak marah walaupun berulang kali mengajar dengan menunjuk contoh.

Pada saya, MF dan MT telah mengubah cara pandang market secara holistic dibantu dengan Konsep Kunci, Fibon, Marking Zone, SLS, Rahsia dalam Kunci, SOP Entry System, Timing, Oscillator, BBMA dan Konsep Momentum.

Selain mempelajari trading saya juga nampak banyak nilai2 murni yang ada pada MF seperti disiplin timing, berimam, penyayang, tanggungjawab sebagai anak yang menjaga ibubapa dan juga Byk membuat kerja2 amal.

Saya bangga menjadi sebahagian keluarga FIT dimana semua ini saya dapat pelajari dan kuasai secara PERCUMA. Saya jujur, Nanda tak pernah bayar 1 sen pun pada MF dan MT untuk apa yang mereka ajar termasuk boothcamp pun yang saya ikuti 1.0 sampai 4.0.

Dengan apa yg saya pelajari daripada FIT, hasilnya acc saya grow dan profit harian saya consistant. Out of 487 trade 465 biru dan hanya 22 cutloss.

Adab dan Maruah amat penting dalam FIT, itu sahaja lah yang diharapkan oleh MF dan MT.

Terima Kasih MF & MT dan Flaaha Team. 🙏



edited 6:14 . . . ❤️

APA KATA MEREKA TENTANG FIT?

AM 335

Terima kasih yang tidak terhinnga kepada Mr Flaha dan tenaga pengajar yg lain umumnya, sejujurnya sy xpernah lagi join under IB yg lain yg boleh beri full support dari segi technical, mental mahu pun analysis. Kebanyakan IB lain sekadar biasa2 je, tetapi tidak dlm FIT. Betul2 xkan jumpa group yg macam ni. Sebut je teknik apa.. semua akan dirungkai oleh Mr Flaha yg hansem 😊. Semoga geng2 FIT diberikan kemudahan dalam apa jua urusan. Aamiin YRA



3



1

9:17 PM

AM 32721

Reply

Terima kasih MF, MT & Team FIT. Saya join sejak FIT 2.0. Benda yang paling saya kagum adalah komitmen masa MF & Team FIT berikan kepada semua. Sesi Assemble, Kelas Teori, pastu video recording pulak mmg banyak bantu utk faham. Saya sgt2 respect yang ni.

Betul la apa yang MF selalu kongsi. Ilmu dalam FIT ni adalah satu ekosistem & peta keseluruhan trading. Bukannya sekadar teknik. Mmg takde kat mana2. Semua yang diajar sangat praktikal dan senang nak faham. Terima kasih byk2 MF, MT & Team FIT sebab tak pernah jemu ajar semua ilmu FIT berulang2 kali... byk2 kali...

Terima kasih sekali lagi 🙏🙏🙏



8



2

1:32 PM

APA KATA MEREKA TENTANG FIT?

1331614 C

Reply

Saya join FIT pada 16-Aug-2024 selepas bertembung dengan Third Eye Academy kat TT dan join Tele group.

FIT adalah antara berpuluh Tele group yang pernah saya join sepanjang penglibatan dalam trading.

Saya tertarik untuk join FIT selepas ternampak presentation MF kat TT yang mampu mengupas perjalanan dan behaviour Gold secara holistic dan kebolehan MF melihat hala tuju Gold sebelum ianya terjadi. Very impressive.

Semenjak hari itu MF adalah idola saya dalam trading. Cuma saya belum lagi mampu nak botakkan kepala walaupun rambut saya pun tak banyak mana.

Saya pandang MF sebagai orang yang berilmu tinggi tapi sangat humble. Sangat pemurah dalam berkongsi ilmu, guidance dan nasihat.

Saya rasa sangat bertuah ter cross path dengan MF dan FIT Team. Dalam banyak2 group Tele yang saya join, FIT saya anggap sebagai sangat luarbiasa.

Dalam FIT saya banyak belajar tentang

- Konsep kunci
- Fibi
- Timing
- DBO
- Trade multi time frame
- Konsep SLS
- Konsep hentak angkat
- Konsep Pressure/Momentum

Dan banyak lagi.

Dan yang paling menarik sekali ilmu dalam FIT tidak statik. Ia sentiasa ber Metamorphosis. Sentiasa up to date dan berkembang.

Sebelum join FIT walaupun dah terlibat dalam trading agak lama, saya selalu rasa yang I am gambling. Saya tak rasa bangga pun bila boleh buat profit sebab saya trade tanpa ilmu. Trade pun lebih ke lautan dalam daripada ke daratan.

Dalam FIT at least saya dapat rasa diri ini semakin bijak dalam Trade dan buang rasa yang saya ini trade like a gambler.

Sejujurnya saya masih lagi berperang dengan diri sendiri. Trading journey saya masih belum konsisten. Saya masih lagi mencari signature trading saya.

Dalam FIT Saya semakin senang untuk buat profit tapi ada masanya masih kena libas juga. Semuanya dari kesilapan saya sendiri. Selalunya sebab

- FOMO tidak bermalu
- Over trade
- EGO. Bisikan hati dah tegur bukan masanya nak entry, enough for today tapi degil juga nak entry 😊

Recently saya dah mula buat profit average \$200 sehari.

Konsep Pressure di TF M1 dan M5 banyak membantu. Hentak angkat je guna lot 0.01.

Terima kasih MF and Team kerana mengenengahkan konsep ini.

Semoga saya berjaya mendamaikan perang dalam diri ini dan bermulanya perjalanan konsisten dalam Trading.

Sebab tak bermanfaat pun perang ini. Bukannya boleh melonjakkan harga emas pun.

In FIT you will never walk alone.

Dalam...

FIT ada MF and The Gang

FIT penuh dengan ilmu.

FIT penuh dengan guidance.

FIT kaya dengan jalan cerita Gold.

FIT banyak nasihat yang membina.

FIT tidak boring

FIT ada ramai awesome peoples.

Thank you MF kerana mengilhamkan, mewujudkan dan menggerakkan FIT.

And Thank you to all FIT support Team. You guys are awesome and luarbiasa.

Semoga MF, The Team dan kita semua terus diberikan kesihatan yang baik dan selalu dimural rezeki.

PENUTUP

Alhamdulillah selesai sudah perjalanan untuk menghasilkan Ebook Unlock Rahsia Fibonacci ini. MF harap semoga terhasilnya Ebook ni, trader Malaysia akan berkembang dengan positif dan menghasilkan result yang lebih memberangsangkan.

Pesan MF buat semua, sentiasa ingat bahawa ini adalah dunia yang dahsyat. Tanpa ilmu dan bimbingan yang betul, kita mungkin boleh hilang segalanya dalam masa 1 malam.

Market ni penuh dengan **"Unexpected Things"**. Jangan jadi trader yang tidak ada persediaan. MF percaya kalau kita letakkan fokus penuh dan berhati-hati dalam setiap trade, kita boleh lahirkan trader-trader yang dahsyat dan sekaligus membina komuniti trader yang boleh bantu trader yang lain.

Harapan MF adalah sistem trading yang MF bawa ini akan dikenali di luar negara. MF nak trader luar negara gunakan sistem ini dan menyebut bahawa mereka belajar sistem ini daripada trader Malaysia.

Doakan perjalanan MF dan team ya semua. Moga impian ini dipermudahkan jalan dan berjaya membantu lebih ramai orang untuk belajar bina income tambahan dalam industri trading.

MF doakan juga buat semua yang telah dapatkan ebook ni, moga terus dibukakan kefahaman dan dianugerahkan konsistensi dalam perjalanan trading masing-masing.

Yang penting,
BUAT SAMPAI JADI! 🔥

